

# Jaga hubungan di luar negara

**Kuala Lumpur:** Tan Sri Muhyiddin Yassin mengingatkan semua perwakilan Malaysia di 105 negara dunia untuk terus berusaha mengeratkan hubungan dengan sejuta penduduk negara ini yang berada di sana.

Timbalan Perdana Menteri berkata, tindakan itu perlu berikutan kumpulan berkenaan sama ada profesional, ahli keluarga mahupun pelajar adalah aset penting boleh membantu memperkukuhkan lagi hubungan diplomatik.

“Dengan adanya hubungan rapat bersama diaspora Malaysia, mereka akan membantu kita, anda (perwakilan), terutama dalam memupuk persefahaman baik berkenaan budaya, politik, ekonomik mahupun sosial di negara tuan rumah.

“Hubungan ini juga membolehkan perwakilan berkhidmat secara lebih efektif, di samping tanggungjawab utama sebagai wakil kerajaan di luar negara,” katanya pada Persidangan Ketua Perwakilan ke-8 di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR), di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman dan Timbalannya Datuk Hamzah Zainudin.

Muhyiddin menggariskan tiga langkah bagaimana misi diplomatik dapat menggerakkan diaspora Malaysia untuk kebaikan negara dan negara tuan rumah masing-masing.

“Pertama, berkenalanlah dengan seramai mungkin rakyat Malaysia di negara tuan rumah anda.

“Ketua-ketua perwakilan

perlu sering bermusyawarah, sama ada secara rasmi atau tidak rasmi dengan rakyat Malaysia kerana cara ini cukup berguna ketika krisis, terutama apabila berlaku bencana alam atau apabila tercetus kekañcauan sosial dan politik,” katanya.

Beliau berkata, ketua perwakilan juga perlu mengajak diaspora Malaysia untuk membantu mempromosi pelbagai aspek berkaitan negara selain memperjelaskan peristiwa sebenar yang berlaku di dalam negara.

Dengan itu katanya, negara akan lebih dikenali dan capaian maklumat positif mengenai Malaysia lebih meluas dalam kalangan penduduk antarabangsa.

“Melalui pengwujudan saluran komunikasi secara terbuka dan menggerakkan diaspora Malaysia, tuan-tuan dan puan-puan akan dapat mendampingi kumpulan manusia yang lebih menyeluruh di negara tuan rumah.

“Ketiganya, kita memerlukan tenaga pakar untuk menggerak program transformasi dan kalangan diaspora Malaysia ini ada yang mahir serta berpengalaman,” katanya.

Justeru, perwakilan perlu bekerjasama dengan Talent Corp bagi membantu kerajaan menarik lebih ramai pakar untuk pulang berkhidmat di tanah air.

Katanya, beliau yakin Malaysia mampu mencari cara yang praktikal dan realistik untuk memanfaatkan bakat rakyat demi kebaikan negara, sekali gus mengatasi pengaliran keluar cerdas pandai yang boleh menjayakan transformasi negara.

## FAKTA

Tiga langkah digariskan bagaimana misi diplomatik dapat menggerakkan diaspora Malaysia